

Merungkai persoalan sekolah kluster

Pelbagai kekeliruan timbul dalam usaha melahirkan generasi serba boleh

BH 18/4/07 ms 11

Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

TANGGAL 30 Mac 2007 melakar satu perkembangan baru dalam dunia pendidikan negara apabila Kementerian Pelajaran mengumumkan kumpulan pertama 30 Kelompok Sekolah Cemerlang (KSC) atau sekolah kluster yang akan menerajui kecemerlangan dan mewujudkan dimensi baru dalam pengurusan institusi pendidikan milik kerajaan di negara ini.

Tetapi, beberapa persoalan timbul. Apakah wujud seperti antara dua darjat dalam mengejar kecemerlangan pendidikan jika dibandingkan Sekolah Kebangsaan (SK) Ulu Lubai di pedalaman Sarawak yang serba kekurangan dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Victoria di tengah bandar raya Kuala Lumpur, yang lengkap segala-galanya? Kedua-dua sekolah itu antara kumpulan perintis sekolah kluster.

Mengenai kuasa autonomi diberikan kepada pengetua dan guru besar sekolah terbahit pula, persoalannya sejauh mana keberkesanan dan keterbukaan mereka melaksanakan kuasa diberikan? Adakah setakat autonomi yang ada pada nama sedangkan mereka masih terikat dengan kerena birokrasi yang memang terkenal dalam sektor perkhidmatan awam atau adakah dengan kuasa autonomi membolehkan mereka sewenang-wenangnya mengambil guru cemerlang yang diperlukan di sekolah lain?

INFO

Kuasa autonomi

- Kuasa autonomi dimiliki pengetua dan guru besar memabitkan kurikulum, kewangan, pemilihan guru dan murid.
- Kuasa bersifat autonomi terpinpin iaitu tidak boleh menyingkirkan pelajar yang kurang sesuai.
- Pengetua dan guru besar diberi kebebasan menentukan aras pencapaian sendiri.
- Guru boleh ditukarkan ke sekolah lain jika tidak menunjukkan prestasi baik sepanjang berkhidmat di situ.
- Memastikan Pelajar bersifat holistik iaitu menguasai pelbagai aspek dengan baik dan tidak terlalu mengutamakan akademik.

nya sama ada dari segi bangsa atau jenis persekolahan.

Setakat hari ini, kebanyakan masyarakat masih belum jelas definisi sebenar dan kaedah pelaksanaan sekolah kluster. Malah, difahamkan kalangan pengetua dan guru besar yang sudah dipilih juga masih kurang jelas peranan mereka melaksanakan hasrat kementerian itu.

Wujud juga pelbagai kekeliruan – sama ada kewujudan sekolah kluster nanti akan menambah beban kewangan di kalangan ibu bapa kerana sudah pasti sekolah itu nanti memerlukan kewangan yang banyak untuk melonjakkan prestasi mereka.

FAKTA

Lima Kelompok Sekolah Kluster

Sekolah Menengah

- Sekolah harian
- Sekolah berasrama penuh
- Sekolah menengah teknik
- Sekolah menengah kebangsaan agama
- Sekolah Premier
- Sekolah 100 tahun
- Sekolah Putrajaya dan Cyberjaya

Sekolah Rendah

- Sekolah Kebangsaan
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
- Sekolah pedalaman

Sekolah Pendidikan Khas

- Sekolah Kebangsaan
- Sekolah menengah
- Sekolah pendidikan khas (Vokasional)

Intitansi Pendidikan Guru

Sekolah Antarabangsa

Contohnya, jika mereka ingin mengambil guru dari sekolah lain yang cemerlang dalam sukan hoki untuk menjadi jurulatih hoki di sekolah kluster, mereka perlu pastikan guru itu tidak menjalankan program hoki di sekolah asalnya kerana jika ia boleh menjejaskan prestasi sekolah lain, tindakan itu tidak dibenarkan.

“Jika sekolah itu di pedalaman dan pilihan untuk memasuki sekolah hanya ada di sekolah yang sudah dipilih sebagai sekolah kluster, mereka tidak boleh menyingkirkan pelajar yang kurang sesuai di situ. Jika ia berlaku ke mana pelajar itu hendak bersekolah? Inilah yang dinamakan auto-

versiti supaya pihak universiti boleh mengenali pasti sekolah yang memenuhi kecenderungan tertentu universiti terbahit.

Bagaimanapun, tidak timbul soal perbandingan sekolah kluster pedalaman dan di bandar kerana setiap kelompok sekolah akan mempunyai beberapa sekolah cemerlang di dalam kumpulannya.

“Jadi, persaingan untuk dipilih sekolah kluster hanya akan memabitkan kelompok mereka saja iaitu sekolah pedalaman sesama mereka dan sekolah bandar sesama mereka. Keadaan sama juga memabitkan sekolah berasrama penuh (SBP) dan beberapa kategori sekolah lain termasuk se-

Faktor mengekalkan kecemerlangan yang menjadi antara syarat utama di sekolah kluster juga menimbulkan persoalan – sejauh mana ia mampu dipertahankan. Lebih rumit untuk difikirkan ialah secara logiknya jika sekolah pedalaman menjadi pilihan sekolah kepada murid di situ terhad, adakah murid tidak cemerlang akan disingkirkan dan ke mana murid di situ mahu pergi seperti di SK Ulu Lubai?

Namun, isu lebih besar ialah bagaimana elemen kluster itu hendak diterjemahkan secara definisi lebih tepat kerana kita tidak mahu ia hanya seakan meniru acuan sekolah cemerlang negara luar yang nyata tidak sama dengan sistem persekolahan negara ini yang mempunyai kepelbagaian

Adakah Kementerian bersedia dengan pelbagai kerehain pemimpin sekolah kluster yang mahukan 'itu dan ini' bagi memastikan mereka kekal cemerlang dan adakah Kementerian juga sedia melaburkan peruntukan lebih besar bagi memastikan sasaran mereka nanti mencapai kejayaan?

Bagi merungkai segala persoalan itu, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Jabatan Sekolah), Alimuddin Mohd Dom, berkata perbezaan ketara di sekolah kluster adalah kuasa autonomi dimiliki pengetua dan guru besar membabitkan kurikulum, kewangan, pemilihan guru dan murid. Bagaimanapun, kuasa autonomi diberi kepada mereka bersifat autonomi terpinpin iaitu mereka tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakannya sesuka hati.

berbeza dengan yang dikehendaki autonomi terpinpin, ia bukan autonomi mutlak.

"Pengetua dan guru besar juga diberi kebebasan menentukan aras pencapaian mereka sendiri, tetapi harus diingat, jika mereka gagal mencapainya, kegagalan itu perlu ditanggung mereka dan hak sebagai pemimpin sekolah kluster boleh ditarik.


"Kesimpulannya, guru di sekolah kluster juga perlu menerima hakikat bahawa mereka boleh ditukarkan ke sekolah lain jika tidak menunjukkan prestasi baik sepanjang berkhidmat di situ. Guru besarnya pun boleh digantikan jika gagal," katanya.

Alimuddin berkata, pada satu peringkat nanti tidak mustahil sekolah kluster akan mempunyai jalinan kerjasama dengan uni-

berapa kategori sekolah lain termasuk sekolah pendidikan khas. Mengambil kira elemen itulah maka lahirnya perkataan kluster kecemerlangan," katanya.

"Rumusannya, pelajar sekolah kluster bersifat holistik iaitu menguasai pelbagai aspek dengan baik dan tidak terlalu mengutamakan akademik semata-mata seperti di sekolah lain, yang lebih berorientasikan peperiksaan.

"Jika ibu bapa menginginkan anak mereka memperoleh 17A1 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), jangan hantar anak mereka ke sekolah kluster kerana di situ pelajar hanya akan mengambil bilangan kertas peperiksaan terhad berdasarkan keperluan saja. Apa yang paling utama ialah mereka menguasai pelbagai bidang," katanya.



“*Sesungguhnya kerjasama erat mereka inilah yang menjadi satu lagi elemen penting melonjakkan kejayaan sekolah ini*”